

LPK: PB/600-4/1(20)

24 Julai 2014

SENARAI EDARAN SEPERTI DILAMPIRKAN

Y. Bhg. Datuk/ Tuan,

PEKELILING PENGURUS BESAR LEMBAGA PELABUHAN KELANG NO. 3/2014

NOTIS KEPADA SEMUA OPERATOR 'ON-DOCK DEPOT' (ODD) DAN SYARIKAT HAULIER BERKAITAN PENAMBAHBAIKAN MUTU PERKHIDMATAN ODD DI DALAM WESTPORTS

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada pekara di atas.


2. Dimaklumkan bahawa pihak Lembaga Pelabuhan Kelang (LPK) sering menerima rungutan daripada pengguna-pengguna pelabuhan terutamanya daripada Persatuan Haulier Malaysia (AMH) berkaitan mutu perkhidmatan yang diberikan oleh 'On-Dock Depot' (ODD) di Westports. Pihak LPK telah mengadakan beberapa siri mesyuarat dengan pihak AMH dan juga Westports bagi mencari jalan untuk mengatasi masalah tersebut. Melalui perbincangan tersebut, beberapa penambahbaikan bagi meningkatkan mutu perkhidmatan di ODD telah dikenalpasti.

3. Sehubungan itu, Y. Bhg. Datuk/ Tuan adalah diminta untuk mematuhi arahan yang dinyatakan di dalam **Notis LPK Bil. 1/2014: Penambahbaikan Mutu Perkhidmatan ODD Di Terminal Westports, Pelabuhan Klang** yang dilampirkan.

Sekian, Terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,



(DATO' KAPT. DAVID PADMAN)

Pengurus Besar
Lembaga Pelabuhan Kelang

- S.k. -
1. Pg. Pengurus Besar (Operasi dan Kawalselia), LPK
 2. Pg. Pengurus Besar (Korporat dan Pembangunan), LPK

LEMBAGA PELABUHAN KELANG

NOTIS 1/2014

NOTIS KEPADA SEMUA OPERATOR 'ON-DOCK DEPOT' (ODD) DAN SYARIKAT HAULIER, OPERATOR PELABUHAN DAN PENGGUNA-PENGGUNA PELABUHAN

PENAMBAHBAIKAN MUTU PERKHIDMATAN ODD DI DALAM TERMINAL WESTPORTS, PELABUHAN KLANG

1. Lembaga Pelabuhan Kelang (LPK) telah menerima banyak aduan daripada pemain industri logistik terutamanya daripada 'Association of Malaysian Hauliers' (AMH) mengenai mutu perkhidmatan ODD dan kelewatan transaksi 'pick up / drop off' kontena kosong di ODD Westports.
2. LPK telah mengadakan beberapa siri perbincangan bersama AMH serta Westports (M) Sdn. Bhd. dan didapati bahawa mutu perkhidmatan di ODD perlu dipertingkatkan.
3. Sehubungan itu, semua Operator ODD Westports dan Syarikat Haulier di Pelabuhan Klang diminta melaksanakan langkah-langkah berikut bagi mempertingkatkan mutu perkhidmatan.

OPERATOR ODD

i. Waktu operasi

HARI	WAKTU OPERASI
Isnin - Sabtu	8.00 pagi - 4.00 pagi (hari berikutnya)
Ahad	8.00 pagi - 4.00 petang
Cuti Am	8.00 pagi - 4.00 petang

Nota

Hari Jumaat - dibenarkan menghentikan operasi selama 2 jam mulai 12.30 tengahari hingga 2.30 petang.

ii. KPI Transaksi 'Pick Up / Drop Off'

Perlu mematuhi KPI transaksi 'pick-up/ drop-off' kontena kosong di ODD tidak melebihi 1 jam 15 minit (masa dikira mulai haulier masuk sehinggalah keluar di gate kontena terminal).

iii. Proses Penerimaan / Penolakan ('Accept / Reject') tempahan melalui HDBS

Tempahan slot perlu diproses di dalam Haulier Depot Booking System (HDBS) hendaklah diproses dalam tempoh 30 minit daripada masa tempahan diterima. Sekiranya gagal, pihak ODD akan dianggap sebagai menerima tempahan tersebut.

iv. Peralatan Operasi ODD

Peralatan operasi (stacker/ forklift) perlu disediakan secukupnya iaitu 5 'stacker / forklift' (4 untuk operasi dan 1 'standby') bagi tujuan pengendalian kontena mengikut KPI yang ditetapkan iaitu 30 kontena sejam.

SYARIKAT HAULIER

i. Tempahan Melalui HDBS

Diwajibkan (mandatori) untuk membuat tempahan melalui HDBS sebelum melakukan 'pick-up / drop-off' di ODD. Tempahan perlu dilakukan sekurang-kurangnya 1 jam sebelum melakukan 'pick-up / drop-off' kontena. Tempahan juga boleh dibuat kurang daripada sejam sekiranya melibatkan 'side-loader' tertakluk kepada kekosongan slot serta penerimaan tempahan oleh ODD.

ii. Waktu Terakhir ('Closing Time') Tempahan Melalui HDBS

Waktu terakhir tempahan melalui HDBS bagi 'pick-up / drop-off' kontena kosong di ODD adalah seperti berikut :

Hari	Waktu Operasi	'Closing Time'
Isnin - Sabtu	8.00 pagi - 4.00 pagi	1.00 pagi
Ahad dan Cuti Am	8.00 pagi - 4.00 petang	1.00 petang

iii. Tempoh 'Window'

Haulier akan diberi tempoh selama 2 jam tempoh 'window' (1 jam masa tempahan + 1 jam masa tambahan). Contohnya, jika tempahan dibuat bagi slot jam 10.00 pagi hingga 11.00 pagi maka haulier boleh 'pick up / drop off' dari pukul 10.00 pagi hingga 12.00 tengahari.

Nota

Kegagalan untuk membuat tempahan atau ketibaan haulier di luar waktu 'window' boleh menyebabkan haulier berkenaan tidak diberi keutamaan untuk melakukan transaksi 'pick-up/ drop-off'.

4. **Penalti sebanyak RM 100.00** bagi setiap transaksi akan dikenakan kepada Operator ODD yang gagal memberikan perkhidmatan di dalam tempoh masa 1 jam 15 minit (tertakluk kepada ketibaan haulier di dalam waktu yang telah ditempah di dalam HDBS).

Notis ini akan berkuatkuasa mulai **1 Ogos 2014**.



DATO' KAPT.DAVID PADMAN
Pengurus Besar
Lembaga Pelabuhan Kelang

22 Julai 2014